

26 JUL 1999

Negara-Islam

PEMBANGUNAN PUTRAJAYA SELARAS DENGAN KONSEP ISLAM

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pembangunan Putrajaya adalah selaras dengan konsep Islam yang menekankan tiga ciri iaitu hubungan antara manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar, Dewan Negara diberitahu hari ini.

Senator Datuk Zainudin Maidin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengarahkan supaya Masjid Putra dibina dalam fasa pertama bagi memastikan konsep hubungan manusia dengan Tuhan dapat didahulukan.

Sejajar dengan hasrat untuk merealisasikan konsep hubungan manusia dengan manusia, maka bangunan Kementerian Luar di Putrajaya direka bentuk dengan begitu indah dan dilengkapi ciri-ciri canggih, katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999.

Beliau berkata Putrajaya juga mempunyai banyak taman dan tasik buatan yang dibina untuk mewujudkan hubungan erat di antara manusia dan alam sekitar.

Katanya rakyat seharusnya tidak boleh melihat Putrajaya sebagai projek mega Dr Mahathir sehingga melupakan hakikat sebenar bahawa ia adalah pusat pertadbiran berkonsep Islam terancang yang bakal menjadi contoh kepada negara Islam yang lain.

Senator Datuk Mohd Zuki Kamaluddin, yang turut membahaskan rang undang-undang itu, pula menggesa kerajaan melantik ahli-ahli politik yang tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan sebagai diplomat bagi memastikan kebolehan mereka dapat dimaksimumkan.

Rang-rang undang itu kemudian diluluskan.

-- BERNAMA

NY AKD